

03 MAR 1999

MTEN-REFORMASI

GESAAAN UNTUK REFORMASI STRUKTUR KEWANGAN GLOBAL MENINGKAT, KATA MTEN

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah menyatakan persetujuan bahawa gesaan bagi pembaharuan struktur kewangan global telah meningkat, berikutan kejayaan Malaysia dalam mengurangkan serangan spekulasi dan ombak ekonomi yang kian surut.

Di dalam kenyataan yang dikeluarkan hari ini, MTEN berkata apabila langkah-langkah kawalan modal Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dikuat kuasakan pada 1 Sept 1998, langkah-langkah itu menerima kritikan daripada ahli-ahli ekonomi di seluruh dunia.

Sekarang, 18 bulan setelah krisis ekonomi Asia itu bermula pada 1997, dunia mulai melihat dan menyedari keberkesanan dalam membendung spekulator dan menghalang mereka daripada mengakibatkan lebih banyak kerosakan dan ketidak stabilan kepada ekonomi, tambah MTEN.

Hari ini, keperluan untuk perubahan kepada arkitektur kewangan antarabangsa adalah diperakui dan diterima di seluruh dunia, dan malahan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) dan Presiden Bill Clinton Amerika Syarikat telah menyertai sokongan itu, kata MTEN lagi.

Kenyataan MTEN itu dipaparkan di dalam Wall Street Journal yang memetik Clinton sebagai berkata: "Apabila ombak pertama modal membanjiri di pasaran-pasaran sedang muncul dan surut dengan mendadak, apabila berjuta-juta penduduk yang bekerja di dalam kelas menengah tiba-tiba terjunam ke dalam kancah kemiskinan, keperluan untuk pembaharuan sistem kewangan antarabangsa adalah jelas."

MTEN berkata tekanan ke atas para pemimpin dunia untuk pembaharuan di dalam arkitektur kewangan antarabangsa sedang meningkat, terutamanya di negara-negara maju kerana mereka sendiri kini dijangkiti keperluan.

Lebih banyak kerajaan telah menjadi prihatin terhadap keperluan untuk mengawal aliran masuk wang jangka pendek dan juga mendidik para pelabur dan tidak menggalakkan berian pinjaman yang tidak berhemat oleh bank-bank, kata MTEN.

Pemberian pinjaman yang tidak berhemat membawa risiko tunggakan dan dalam jangka lebih besar, ia mungkin mengakibatkan keperluan ekonomi bukan sahaja di negara asal tetapi juga di negara-negara lain memandangkan ekonomi global membabitkan saling pergantungan negara-negara, jelas MTEN.

MTEN juga berkata penasihat kepada kerajaan, Salomon Smith Barney, menekankan bahawa sebarang sekatan ke atas pemiutang adalah cara yang paling cekap untuk menghapuskan lebih-lebih aktiviti dana lindung nilai.

Menurut kenyataan MTEN itu, Salomon percaya bahawa langkah-langkah kekal dalam mengehendkan tahap sokongan di dalam sistem kewangan antarabangsa oleh negara-negara G7 adalah juga positif kepada tebaran bon Malaysia.

Salomon menambah bahawa pengurangan berkesan dalam sokongan bagi pasaran bon global akan mengurangkan kemudah ruapan dan menyekat pelabur wang sebenar, seperti dana-dana pencen, syarikat-syarikat insurans dan pengurus-pengurus tabung amanah, daripada membeli hutang Asia.

Sungguhpun masih jauh ke arah perubahan mutlak, hakikat bahawa lebih banyak pemimpin dunia menyuarakan keperluan bagi pembaharuan di dalam struktur kewangan antarabangsa seharusnya memberi harapan baik bagi Malaysia yang telah menjadi suara alasan tunggal yang menghasilkan perubahan yang amat diperlukan itu.

-- BERNAMA

MFZ LPS OS